

Sel stem majukan bidang perubatan

BANGI 6 Dis. - Penerokaan dalam bidang sel stem diyakini dapat menyumbang kepada kemajuan dalam bidang perubatan dan pergigian.

Profesor di Pusat Pengajian Biosains dan Bioteknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Shahrul Hisham Zainal Ariffin (**gambar**) berkata, potensi bidang itu sangat besar kerana ia mampu memberi alternatif rawatan kurang kesan sampingan kepada pesakit tulang dan gigi.

“Hasil kajian kami mendapati sel stem berupaya untuk membahagi dan membentuk pelbagai jenis sel matang seperti tulang



rawan dan osteoblas (tisu tulang) yang diperlukan dalam rawatan penyakit seperti osteoarthritis (kekurangan tisu rawan) dan osteoporosis (patah tulang), selain dapat memajukan rawatan pergigian pada masa hadapan.

“Keistimewaan rawatan menggunakan sel stem ini adalah ia akan memberi kesan sampingan yang minimum kepada pesakit, berbanding menggunakan ubat tahan sakit atau pembedahan seperti kebiasaan,” katanya dalam majlis Syarahan Perdana sempena Pengukuhan Jawatan Profesor di Bilik Senat, Bangunan Canselori, di sini hari ini.